



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (36)

KENYATAAN MEDIA
PERMOHONAN PROGRAM BANTUAN SUBSIDI PENDIDIKAN AWAL TADIKA
SWASTA
"ANAK PINTAR, NEGARA GEMILANG"
TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 26 Jun 2025 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa permohonan bagi **Program Bantuan Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta bagi Tahun 2025** kini dibuka kepada semua tadika swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). MITRA menjemput semua pengusaha tadika swasta pengantar bahasa Tamil yang layak untuk mengambil bahagian dalam inisiatif ini di pautan <https://shorturl.at/u1Ozx> demi memastikan akses pendidikan awal yang inklusif, berkualiti dan menyeluruh bagi kanak-kanak berbangsa India di Malaysia.

Permohonan akan dibuka selama **35 hari** dari **26 Jun 2025 (Khamis)** hingga **30 Julai 2025 (Rabu)**. Semua permohonan wajib dikemukakan melalui **google form** secara dalam talian. Pengusaha tadika boleh merujuk Garis Panduan Permohonan Program Bantuan Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta tahun 2025 di pautan <https://shorturl.at/a7z0K> untuk panduan permohonan.

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan Program Bantuan Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta tahun 2025 boleh menghubungi MITRA di talian 03-8892 3442 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada spl@mitra.gov.my.

-TAMAT-

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
26 JUN 2025